



Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD 7(45)
Tarikh : 23 Jamadilakhir 1445H
: 5 Januari 2024M

YAA Ketua-Ketua Hakim Syarie Negeri,
Jabatan Kehakiman Syariah/ Mahkamah Syariah Negeri-Negeri

ARAHAN AMALAN NO. 7 TAHUN 2023

KEPERLUAN KHAS DALAM MENENTUKAN KADAR NAFKAH ANAK BERSTATUS ORANG KURANG UPAYA (OKU)


Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia pada 30 Rabiulakhir 1445H - 2 Jamadilawal 1445H bersamaan 14hb – 16hb November 2023M di Hotel Dorsett, Wilayah Persekutuan Labuan yang telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung dengan Keperluan Khas dalam Menentukan Kadar Nafkah Anak Berstatus Orang Kurang Upaya (OKU) dengan mengambil kira kriteria yang berikut:

- i. Kategori ketidakupayaan;
- ii. Nafkah/ perubatan khas/ disiplin perubatan;
- iii. Kos perubatan awam/ hospital kerajaan/ pusat rehabilitasi/ klinik pakar pediatrik;
- iv. Kos perubatan persendirian atau swasta; dan
- v. Keperluan tambahan dan lain-lain keperluan khas yang berkaitan.

Mahkamah hendaklah mengutamakan keperluan khas di atas sebagaimana contoh di Lampiran.

2. Arahan Amalan ini hendaklah dibaca bersama Arahan Amalan No. 5 Tahun 2019 dan Arahan Amalan No. 6 Tahun 2022.

Arahan Amalan ini hendaklah berkuat kuasa serta-merta.



(DATO' HAJI MOHD AMRAN BIN MAT ZAIN)

Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie

Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

PUTRAJAYA

**CONTOH KEPERLUAN KHAS BAGI SEBAHAGIAN KATEGORI
KETIDAKUPAYAAN**

KATEGORI KETIDAKUPAYAAN (TRO/ PELBAGAI)	NAFKAH PERUBATAN/ KHAS/ DISIPLIN PERUBATAN	KOS PERUBATAN AWAM/ HOSPITAL KERAJAAN/ PUSAT REHABILITASI/ KLINIK PAKAR PAEDIATRIK (RM)	KOS PERUBATAN PERSENDIRIAN/ SWASTA (RM)	KEPERLUAN TAMBAHAN
<i>Autistic Syndrome Disorder (ASD)</i>	<i>Behaviour Therapy Speech Therapy Occupational Therapy</i>	5.00/ 1.00 (setiap sesi)	Tiada had (Anggaran dari 90.00-150.00 setiap 1 jam)	PPKI/ PDK ¹
<i>Speech Delay Syndrome Disorder (SDSD)</i>	<i>Speech Therapy</i>	5.00/ 1.00 (setiap sesi)	Tiada had 90.00-150.00 setiap 1 jam)	PPKI/PDK
<i>Global Delay Disorder (GDD)</i>	<i>Behaviour Therapy Speech Therapy Occupational Therapy</i>	5.00/ 1.00 (setiap sesi)	Tiada had 90.00-150.00 setiap 1 jam)	PPKI/ PDK
<i>Prader Willi Syndrome (PSD)</i>	<i>Food Therapy</i>	5.00/ 1.00 (setiap sesi)	Tiada had 90.00-150.00 setiap 1 jam)	Makanan tambahan kesihatan/susu
<i>Syndrome Down</i>	<i>Behaviour Therapy</i>	5.00/ 1.00 (setiap sesi)	Caj Yuran Pusat Jagaan/Asuhan	PPKI/ PDK
<i>Cerebral Palsy Syndrome (CPS)</i>	<i>Motor Therapy Balance Therapy Occupational Therapy</i>	5.00/ 1.00 (setiap sesi)	Caj Yuran Pusat Jagaan/ Asuhan	Makanan tambahan kesihatan/ susu

¹ PPKI : Program Pendidikan Khas Integrasi
PDK : Pemulihan dalam Komuniti